

- (b) mempunyai alasan yang munasabah kerana tidak hadir; dan pelajar itu atau wakilnya hendaklah memaklumkan sebab-sebab ia tidak hadir dengan kadar segera secara bertulis kepada Pengarah, dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya; atau
- (c) pelajar yang sakit hendaklah memaklumkan sendiri atau melalui wakilnya kepada Pengarah dan menyertakan surat akuan doktor sebagai bukti; atau
- (d) pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh pihak berkuasa tatatertib IPG kampus berdasarkan peruntukan Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 – Bahagian V (Tatacara Tatatertib).
- 3.3.2 Bagi pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas alasan seperti perkara 3.3.1 (a) hingga (d), semua markah penilaian berterusan akan diambil kira.
- 3.3.3 Bagi pelajar yang tidak menghadiri peperiksaan akhir atas perkara 3.3.1 (a) hingga (d), pelajar akan diberi Gred F dengan Nilai Mata Gred 0.00 bagi kursus berkenaan. Pelajar dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan.

3.4 MENDUDUKI PEPERIKSAAN SECARA BERSYARAT

Pelajar yang memenuhi syarat-syarat berikut dibenarkan menduduki peperiksaan secara bersyarat setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengarah iaitu :

- 3.4.1 Pelajar yang kesnya dirujuk kepada pihak berkuasa tatatertib institusi atau pejabat Rektor dan belum diputuskan; atau
- 3.4.2 Pelajar yang mempunyai kes-kes lain yang timbul dan belum diputuskan oleh mana-mana pihak berkuasa.

3.5 TANGGUH PEPERIKSAAN

Pelajar yang terlibat dengan perkara-perkara berikut boleh ditangguhkan peperiksaan nya :

- 3.5.1 Menghadapi masalah kesihatan seperti kecederaan berpunca daripada kemalangan, bersalin dan wabak penyakit berjangkit (dengan mengemukakan surat akuan doktor);
- 3.5.2 Menyertai misi negara, negeri atau institut dengan kebenaran bertulis daripada Rektor/Pengarah terlebih dahulu;
- 3.5.3 Menghadapi bencana alam (dengan mengemukakan surat akuan pihak berkuasa tempatan); atau
- 3.5.4 Menghadapi kecemasan seperti kematian keluarga terdekat sebelum peperiksaan dimulakan (dengan kemudiannya, mengemukakan apa-apa dokumen yang berkait dengan kecemasan tersebut; seperti sijil kematian dan seumpamanya).